

>>Bayi terima **rawatan**
Penjagaan Rapi Hospita

METRO AHAD

FOTO: AMRAN YAHYA



BAYI lelaki ditemui atas kerusi di rumah kosong di Kampung Ulu Melang, semalam.

ro Ahad
11/16
ms 17

'JANGAN BUANG MERATA'

■ Warga emas jumpa bayi lelaki di depan rumah kosong

Kuala Pilah

“K alau ibu bapa tak mahu jaga bayi ini serahkan pada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bukan dengan membuang di merata-rata,” kata Ramlah Sitot, 75, yang menemui seorang bayi lelaki yang baru dilahirkan di Kampung Ulu Melang, di sini, semalam.

Ramlah berkata, bayi itu ditemui atas kerusi panjang di depan sebuah rumah kosong jam 8.10 pagi.

Katanya, dia yang selesai bersenam bersama seorang rakan ketika itu masing-masing mahu pulang ke rumah.

“Sebaik melalui rumah itu, kami dapati ada benda bergerak-gerak atas kerusi. Disebabkan itu saya dan rakan mendekatinya sebelum dikejutkan penemuan seorang bayi,” katanya.

Menurutnya, bayi itu tidak berpakaian atau ditutup sebarang kain.

“Sewaktu mengangkat bayi itu, hati ini luluh memikirkan tergamak ibu bapanya mem-

buangnya. Mereka sepatutnya bertanggungjawab atas apa berlaku,” katanya.

Dia berkata, mujur bayi ditemui pada pagi, jika tidak cahaya matahari akan mengeniannya tambahan pula rumah itu berada tepi jalan.

Katanya, dia membalut tubuh bayi menggunakan kain sarung sebelum dibawa pulang ke rumahnya.

“Saya menghubungi seorang anak dan kami membawanya ke balai polis dan seterusnya ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN); di sini,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Pilah Deputy Superintendan Mohamad

Abas berkata, pihaknya memburu ibu bapa bayi terabit mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan.

“Polis meminta penduduk kampung atau ibu bapa memberi kerjasama sekiranya mendapati anak perempuan mereka dalam keadaan mencurigakan,” katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Datuk Norhayati Omar berkata, bayi itu tidak cedera dan kini di bawah jagaan JKJ daerah.

FAKTA

**Polis buru ibu bapa
bayi mengikut
Seksyen 318
Kanun Keseksaan**



27-11-2016

Miri

Bayi ditemui di semak bawah perlindungan JKM

Bayi perempuan yang ditemui di kawasan semak di Tudan, di sini petang Khamis lalu diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Miri untuk perlindungan sementara.

Ketua Polis Daerah Asisten Komisioner Khoo Heng Luat berkata, Mahkamah Miri mengeluarkan perintah bagi hak penjagaan sementara bayi malang

itu kepada JKM mengikut Seksyen 17 (1)(e) Akta Kanak-Kanak 2001.

“Setakat ini belum ada tangkapan dibuat dan polis meminta kerjasama orang awam yang menyaksikan kejadian atau aktiviti mencurigakan di kawasan itu, petang Khamis lalu supaya tampil bagi membantu siasatan,” katanya.

Katanya, bayi perempuan itu

dalam keadaan sihat dan masih menerima rawatan di Unit Penjagaan Rapi Hospital Miri.

Dalam kejadian petang Khamis lalu, seorang bayi perempuan ditemui di kawasan semak di tepi jalan berhampiran Tudan Fasa Enam, Lutong di sini. Bayi yang dibalut dengan kain batik dipercayai baru dua hingga empat jam dilahirkan.